



## SIARAN MEDIA

### **MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2024 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU PERKUKUH JALINAN PERPADUAN ANTARA MASYARAKAT TEMPATAN BERSAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar telah hadir ke Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 Peringkat Negeri Terengganu anjuran Kementerian Perladangan dan Komoditi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri bersama Kerajaan Negeri Terengganu di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu, hari ini.

Tujuan utama penganjuran majlis ini adalah untuk memupuk semangat muhibah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di samping membolehkan pemimpin bertemu dan beramah mesra dengan rakyat. Sambutan Aidilfitri MADANI ini juga merupakan platform masyarakat di sekitar negeri Terengganu tanpa mengira latar belakang berkumpul bersama dalam suasana harmoni selain membina jalinan perpaduan bersama Kerajaan Persekutuan.

Melalui majlis ini juga, rakyat Terengganu berpeluang mengenali fungsi, peranan dan perkhidmatan KPK dan agensi kementerian dengan lebih dekat melalui informasi dan pameran interaktif khalayak ramai. Antara perkhidmatan kaunter disediakan adalah perkhidmatan dan khidmat nasihat berkaitan sektor Agrikomoditi serta promosi program pembangunan kapasiti dan modal insan melalui program dan kursus peningkatan kemahiran (*upskilling* dan *reskilling*) di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

Selain mengeratkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu, majlis sambutan ini juga signifikan kepada KPK dari

aspek peningkatan ketampakan KPK kepada masyarakat tempatan di Terengganu selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap Sektor Agrikomoditi Negara.

## KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

9 Mei 2024

---

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



[www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.

Tel: 03-88803322 e-mel: [ukk@kpk.gov.my](mailto:ukk@kpk.gov.my)